

## **SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PENOLONG EXCO PERMAS BAGI SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

Perkumpulan Mahasiswa/I Selangor & Wilayah Persekutuan (PERMAS) Universiti Sains Malaysia merupakan salah satu persatuan anak negeri Selangor & Wilayah Persekutuan. Walaupun begitu, kami amat menggalakkan anak-anak negeri lain untuk turut serta PERMAS dan berganding bahu bersama-sama kami. PERMAS memupuk semangat bekerjasama yang tinggi dalam semua ahli jawatankuasa seperti Majlis Tertinggi, Ketua Exco, Exco dan Penolong Exco. Di samping melaksanakan pelbagai program menarik dan berilmiah, PERMAS juga menyerlahkan potensi dan sifat kepimpinan dalam diri mahasiswa dan mahasiswi. Program-program yang dilaksanakan oleh PERMAS berdasarkan elemen H.E.B.A.T. dan Sustainability Development Goals yang dianjurkan oleh United Nation.

### **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENOLONG EXCO PERMAS:**

1. Merupakan mahasiswa atau mahasiswi Universiti Sains Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran Ijazah Sarjana Muda sepenuh masa.
2. Pelajar tahun pertama, kedua dan ketiga digalakkan untuk memohon. Manakala pelajar tahun akhir tidak digalakkan untuk memohon.
3. Warganegara Malaysia.
4. Mestilah sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan memberi komitmen yang baik dalam mengukuhkan organisasi serta ketika menjayakan program.
5. Mestilah sentiasa amanah ketika memikul tanggungjawab yang diberikan.

**Sekiranya anda berminat untuk memohon, sila isi borang Temu Duga Pelantikan Penolong Exco PERMAS S/A 2020/2021 melalui Google Form di pautan berikut:**

<https://forms.gle/sXLoJkcmN1Nr7R6F9>

Sebarang pertanyaan, anda boleh berhubung dengan kami melalui **Whatsapp**,

Hakimi (013-2694142)  
Putri (012-2468559)

Berikut merupakan laman sosial PERMAS bagi mengikuti perkembangan isu semasa kami seperti program-program yang telah dilaksanakan.

Instagram : permasusm  
Facebook : permasusmofficial  
Gmail : usmpermas@gmail.com

## PORTRFOLIO PERMAS

### 1. Informasi & Kerjaya

Memastikan program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dengan mengambil kira aspek perancangan sebelum, semasa dan selepas sesuatu program. Contohnya, strategi aturcara dan perjalanan program.

### 2. Kemasyarakatan

Memastikan penyediaan hadiah dan cenderahati dalam keadaan baik dan tersedia dengan menyenaraikan jenis-jenis serta harga bagi setiap hadiah mengikut kesesuaian program. Contoh hadiah, ‘plaque’, medal, hamper, hadiah untuk VIP.

### 3. Keusahawanan

Memastikan alir masuk dan keluar kewangan program dengan mendapatkan penajaan berbentuk wang atau barang yang bersesuaian berdasarkan program serta memastikan dana mencukupi. Selain itu, melaksanakan pelbagai aktiviti peniagaan bagi meningkatkan pendapatan PERMAS.

### 4. Publisiti & Perhubungan Luar

Memastikan penyebaran maklumat berkaitan PERMAS dapat menarik perhatian umum. Kejayaan program bergantung kepada kecekapan strategi publisiti membuat promosi dalam menarik kumpulan sasaran bagi mencapai objektif PERMAS. Selain itu, menjadi pengantar antara PERMAS dan pihak luar (selain pihak USM) bagi mendapatkan penajaan dengan mudah serta menjadi medium publisiti dan hebahan bagi PERMAS.

### 5. Grafik & Multimedia

Memastikan maklumat program-program PERMAS, informasi PERMAS dan isu semasa disebarluaskan melalui sosial media dengan menyediakan poster-poster menarik. Memastikan maklumat dalam poster adalah benar dan tepat. Di samping itu, berperanan dalam setiap program dengan mengambil gambar atau video sepanjang program berlangsung.

### 6. Teknikal & Sukan

Memastikan barang-barang keperluan semasa program tersedia dan dalam keadaan yang baik. Bertanggungjawab dalam mematikan barang yang dipinjam dipulangkan semula ke tempat asal dengan keadaan seperti yang diterima. Selain itu, melaksanakan aktiviti kesukuanan dan riadah.

### 7. Khas

Memastikan pengurusan makanan dan minuman bagi setiap program berjalan dengan lancar serta bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas khas seperti menjaga keselamatan, kebersihan tempat dan kebajikan peserta. Selain itu, berperanan menjadi ketua bagi aktiviti program yang berunsurkan kesukarelawanan atau acara khas seperti Majlis Makan Malam.